



جاينن آكام اسلام فيراق
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov

No.Ruj. Tuan :
No.Ruj. Kami : JAIPk/PEL/10/13/2 Jid 2 (74)
Tarikh 20 Syawal 1440
24 Jun 2019

**Pengerusi,
Jemaah Pengurusan
Sekolah-Sekolah Agama Islam
Negeri Perak**

Tuan/Puan,

**LARANGAN MENGADAKAN AKTIVITI ATAU PROGRAM BERBAUR POLITIK DI
INSTITUSI PENDIDIKAN AGAMA DI NEGERI PERAK.**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan itu, institusi pendidikan agama yang berdaftar dengan Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1996 adalah berperanan untuk memberikan pendidikan agama dan melahirkan masyarakat yang sejahtera dan harmoni.

3. Oleh yang demikian, sukacita dimaklumkan bahawa institusi pendidikan agama yang telah berdaftar tidak dibenarkan mengadakan aktiviti atau program yang berbaur politik atau premis tuan/puan digunakan untuk tujuan tersebut. Merujuk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat Islam 1996 seperti berikut:

3.1: Seksyen 7 (d): *Penggunaan sekolah itu tidak bagi maksud yang mungkin memudaratkan kepentingan Negeri atau Persekutuan.*

3.2: Seksyen 9.1 (d): *Telah gagal untuk mencegah sekolah itu daripada digunakan bagi apa-apa aktiviti atau maksud, yang sifatnya menyalahi undang-undang, atau bagi apa-apa aktiviti atau maksud suatu pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang lain yang menyalahi undang-undang.*

4. Sekiranya pihak tuan/puan gagal mematuhi arahan tersebut, pihak tuan/puan boleh diambil tindakan sebagaimana dalam Seksyen 9 (2) *Walau apa pun subseksyen(1) Pendaftar, selain daripada membatalkan pendaftaran, boleh membubarkan Jemaah dan melantik suatu Jawatankuasa sementara yang hendaklah dipengerusikan oleh Pegawai Tadbir Agama sehingga Suatu Jemaah baru dilantik oleh Pendaftar untuk menggantikan Jawatankuasa tersebut.*

5. Segala kerjasama, keprihatinan yang tinggi dan baik daripada semua pihak untuk melaksanakannya amatlah diperlukan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHAMAD NASAR BIN KURDI)

Pendaftar,
Sekolah-Sekolah Agama Islam
Negeri Perak

s.k. Pengarah,
Jabatan Agama Islam Perak

Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak

Orang Besar Jajahan Daerah Negeri Perak

Pegawai Tadbir Agama Daerah Negeri Perak

Fail